



‘SEDIA MENYELAMAT’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM:BKK/005/7/1/11(21)
(Our Ref)
Tarikh : 9 Mac 2010
(Date)

Yang Setia,

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Kuala Lumpur
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Labuan
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P Putrajaya

Dato’/Tuan,

PROSEDUR TAMBAHAN PENGELUARAN SURAT SOKONGAN PELESENAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA BAGI BARANGAN KAWALAN BERJADUAL (CSA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Memaklumkan bahawa jabatan ini dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mencapai persetujuan untuk menambahbaik proses permohonan pelesenan CSA bagi memastikan prosedur pelesenan CSA adalah relevan, lebih efisien di samping mementingkan aspek keselamatan pengguna.

3. Persetujuan tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Semua permohonan baru lesen CSA (petrol, diesel, gas petroleum cecair dan baja kimia) adalah perlu mendapatkan surat sokongan pelesenan daripada jabatan ini dengan



dinyatakan had kuantiti simpanan yang dibenarkan bagi setiap produk.

- ii. Pemeriksaan/naziran bagi tujuan permohonan surat sokongan pembaharuan lesen CSA (petrol, diesel, gas petroleum cecair dan baja kimia) dikecualikan sekiranya tiada perubahan fizikal bangunan, pertukaran kegunaan bangunan, lokasi atau perubahan kuantiti simpanan CSA dan perlu disertakan surat sokongan jabatan yang terdahulu.
- iii. Keadaan di mana pemeriksaan / naziran oleh jabatan ini perlu dijalankan dan surat sokongan pelesenan baru Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - a. Pertukaran pemilik bangunan (tidak termasuk pertukaran format perniagaan daripada enterprise kepada Sendirian Berhad atau Berhad);
 - b. Pemegang lesen tidak pernah mempunyai / gagal mengemukakan surat sokongan pelesenan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebelum ini atau pemeriksaan / naziran ke atas premis tidak pernah dijalankan sebelum ini;
 - c. Perubahan dari segi kegunaan, lokasi, fizikal premis perniagaan / stor atau kuantiti simpanan CSA;
 - d. Perniagaan / premis pernah mengalami kebakaran / letupan / bencana yang melibatkan keselamatan; dan
 - e. Premis yang menerima aduan melibatkan keselamatan kebakaran / letupan daripada orang awam.

4. Arahan ini merupakan prosedur tambahan dan hendaklah dibaca bersama-sama Perintah Tetap Pencegah Bil. 2 Tahun 2003: Pengeluaran Sokongan Pelesenan Bagi Premis Perniagaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia dan Arahan Keselamatan Kebakaran Bil. 3 Tahun 2009: Ketetapan dan Penyeragaman Prosedur Permohonan dan Pengeluaran Surat Sokongan Pelesenan Barangan Berasaskan Petroleum. Arahan ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

5. Bersama-sama ini juga dilampirkan format boring permohonan dan surat jawapan seperti berikut:

- i. Lampiran A – Format Borang permohonan surat sokongan pelesenan perniagaan barangan kawalan berjadual (CSA).
- ii. Lampiran B – Format surat jawapan permohonan baru sokongan lesen CSA.
- iii. Lampiran C – Format surat tidak menyokong sokongan pelesenan CSA.
- iv. Lampiran D – Format surat jawapan permohonan pembaharuan sokongan lesen CSA.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k

- i. YAS Ketua Pengarah JBPM
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037



BORANG PERMOHONAN PEMBAHARUAN SURAT SOKONGAN PELESENAN PERNIAGAAN KAWALAN BERJADUAL (CSA)

ARAHAN

1. Borang ini hendaklah diisi dengan menggunakan pen mata bulat (ball pen).
2. Sila gunakan "HURUF BESAR".
3. Sila isikan maklumat-maklumat yang diperlukan dengan jelas dan tepat.
4. (*) potong mana tidak berkenaan.
5. Borang ini adalah untuk kegunaan permohonan pembaharuan surat sokongan pelesenan barangan kawalan berjadual (CSA) iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair dan baja kimia sahaja.

A. MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Pemohon:

2. No. Kad Pengenalan:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. Nama Syarikat:

4. No. Pendaftaran Syarikat:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

5. Alamat Tempat Perniagaan / Perusahaan yang akan digunakan:

6. Poskod:

--	--	--	--	--	--

7. No. Telefon Pemohon:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

B. MAKLUMAT PERNIAGAAN

8. Jenis Perniagaan / Perusahaan:

9. No. Rujukan Lesen Perniagaan:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

10. Pihak Berkuasa Pengeluar Lesen:.....

11. No. Rujukan Surat Sokongan Pelesenan JBPM terdahulu:.....

12. Premis ini ada / tidak ada* melibatkan sebarang pengubahsuaian / pertukaran pemilik perniagaan / pertukaran kegunaan / perubahan kuantiti simpanan barangan kawalan.*13. Premis ini pernah / tidak pernah* mengalami kebakaran / letupan / bencana* melibatkan keselamatan kebakaran.**C. PENGESAHAN PEMOHON**

Dengan ini saya mengesahkan semua maklumat dan dokumen yang diberikan bagi permohonan ini adalah sah dan benar. Saya setuju terima tanggungjawab penuh ke atas apa-apa kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan atau memberikan apa-apa dokumen palsu dengan sewajarnya.

Tarikh Permohonan :

.....
(Tandatangan Pemohon & Cop Syarikat)

Format Surat Jawapan Permohonan Baru Sokongan Lesen CSA :

Kepala Surat

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami :
(Our Ref)
Tarikh :
(Date)

(pemohon)

Tuan/Puan,

Surat Sokongan Pelesenan

Nama Pemohon :
 Nama Syarikat :
 Jenis Perniagaan :
 Alamat Perniagaan :

 Had Kuantiti Simpanan:
 Dibenarkan

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa pemeriksaan ke atas premis seperti alamat di atas telah dijalankan oleh pegawai dari jabatan ini pada dan mendapati premis tuan/puan telah mematuhi syarat dan keperluan keselamatan kebakaran.

3. Sehubungan itu, jabatan ini **MENYOKONG** permohonan lesen tersebut. Walau bagaimanapun, jabatan ini tidak bertanggungjawab sekiranya kemalangan atau kebakaran yang terjadi ke atas premis tersebut disebabkan kecuaian pemilik/penghuni premis.

4. Surat sokongan ini dengan sendirinya **TERBATAL** sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap reka bentuk, kegunaan, penambahan kuantiti simpanan, lokasi perniagaan, pertukaran pemilik

perniagaan atau pemasangan keselamatan kebakaran tidak berada dalam keadaan baik.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

(
Ketua Zon Bomba
b.p Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri

- s.k: i. YS Pen. Pengarah
Bhg Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri
- ii. YS Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
- iii. Agensi Pengeluar Lesen

Format Surat Jawapan Tidak Menyokong Sokongan Lesen CSA :

Kepala Surat

(pemohon)

Ruj. Tuan :
(Your Ref)

Ruj. Kami :
(Our Ref)

Tarikh :
(Date)

Tuan/Puan,

Surat Sokongan Pelesenan

Nama Pemohon :
 Nama Syarikat :
 Jenis Perniagaan :
 Alamat Perniagaan :

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Memaklumkan bahawa pemeriksaan oleh pegawai dari jabatan ini ke atas premis seperti alamat di atas telah dijalankan pada dan mendapati syarat dan keperluan keselamatan kebakaran tidak dipatuhi.

3. Sehubungan itu, surat sokongan pelesenan hanya akan dikeluarkan apabila semua keperluan atau kehendak-kehendak kebomgaan seperti dilampirkan dilaksanakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

()

Ketua Zon Bomba

b.p Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri

- s.k: i. YS Pen. Pengarah
Bhg Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri
- ii. YS Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
- iii. Agensi Pengeluar Lesen

Format Surat Jawapan Permohonan Pembaharuan Sokongan Lesen CSA :

Kepala Surat

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami :
(Our Ref)
Tarikh :
(Date)

(pemohon)

Tuan/Puan,

Surat Sokongan Pelesenan

Nama Pemohon :
 Nama Syarikat :
 Jenis Perniagaan :
 Alamat Perniagaan :

 Had Kuantiti Simpanan:
 Dibenarkan

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan pengesahan permohonan tuan, jabatan ini **MENYOKONG** permohonan lesen tersebut. Walau bagaimanapun, jabatan ini tidak bertanggungjawab sekiranya kemalangan atau kebakaran yang terjadi ke atas premis tersebut disebabkan kecuaiian pemilik/penghuni premis perniagaan tersebut.

4. Surat sokongan ini dengan sendirinya **TERBATAL** sekiranya terdapat sebarang pindaan terhadap rekabentuk, kegunaan, penambahan kuantiti simpanan, lokasi perniagaan, pertukaran pemilik perniagaan atau pemalsuan maklumat ke atas borang permohonan yang dikemukakan ke jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

()

Ketua Zon Bomba

b.p Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri

- s.k: i. YS Pen. Pengarah
Bhg Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri
- ii. YS Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
- iii. Agensi Pengeluar Lesen